

05 MAY 2004

SULTAN SELANGOR HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ANAK SPEAKER

PETALING JAYA, 5 Mei (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor di sini malam ini.

Majlis perkahwinan Mahathir Ismail Onn, 25, dan Efza Mohamad Ya, 24, yang berlangsung di Hotel Sunway Lagoon di sini turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak serta anggota-anggota Kabinet.

Sementara itu, abang ipar pengantin lelaki, Faizal Abdullah memberitahu Bernama bahawa bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tidak dapat hadir pada majlis itu dan pasangan pengantin itu bercadang meraikan Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada satu majlis lain minggu depan.

-- BERNAMA

SAN HM EMK MOZ